

PENGAMALAN BAHASA MELAYU GENERASI Z DALAM ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0 DARI PERSPEKTIF SOSIOKOGNITIF

Siti Nurul Jannah Fital¹, Junaini Kasdan², dan Siti Norayu Mohd Basir³¹

^{1,3}Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi,
Universiti Malaysia Perlis

² Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z di Malaysia berdasarkan perspektif sosiokognitif. Data diperoleh daripada 660 maklum balas responden yang diterima daripada soal selidik. Responden terdiri daripada Gen Z di seluruh Malaysia yang menerima undangan berdasarkan kriteria yang ditetapkan, meliputi kelompok bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Instrumen kajian yang dibangunkan khusus untuk kajian ini mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi, iaitu $\alpha = .75$ hingga $\alpha = .91$. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 25.0. Kajian ini memanfaatkan Teori Sosiokognitif dan pendekatan sosiokognitif bagi menghuraikan pertalian antara latar sosial dengan tahap pengamalan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z. Secara umumnya hasil kajian mendapati tahap pengamalan bahasa Melayu Gen Z dalam kajian ini berada pada tahap yang tinggi dengan pecahan sangat tinggi 10.0% dan tinggi 50.0%. Manakala terdapat 39.0% Gen Z yang mempunyai pengamalan yang rendah terhadap bahasa Melayu dan 1.0% lagi berada pada tahap pengamalan yang sangat rendah.

Kata kunci: Pengamalan Bahasa Melayu, Jati Diri, Generasi Z, Sosiokognitif, Revolusi Industri 4.0,

ABSTRACT

This study aims to identify and analyse the levels of practicing towards Malay language among Generation Z. Data was obtained from 660 respondents through a survey conducted through Google Form. The respondents consisted of the Generation Z throughout Malaysia who received invitations based on the set criteria, including urban, suburban and rural groups. The research instrument developed specifically for this study has a high level of validity and reliability, which is $\alpha = .75$ to $\alpha = .91$. Data were analyzed descriptively and inferentially using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) software version 25.0. This study utilizes Sociocognitive Theory and the sociocognitive approach to describe the relationship between social background and the levels of practicing of the Malay language among Gen Z. In general, this study found that the Gen Z's level of practicing the Malay language in this study was at a high level with a very high breakdown of 10.0% and a high of 50.0%. While there are 39.0% of Gen Z who have a low practicing and another 1.0% are at a very low practicing of the Malay language

Keywords: Malay Language Practicing, Identity, Gen Z, sociocognitive, Industrial Revolution 4.0

1.0 PENDAHULUAN

Bahasa merupakan salah satu komponen yang penting dalam membentuk jati diri seseorang. Jati diri yang tinggi melambangkan semangat cintakan tanah air yang tidak berbelah bahagi. Menurut Abdullah Hassan (2009), jati diri dalam sesebuah masyarakat dicirikan oleh beberapa unsur. Antaranya termasuklah leluhur yang sama, penuturan bahasa yang sama, tempat tinggal (kedudukan geografi) yang sama, anutan agama yang sama, dan budaya yang sama. Namun, dalam konteks di Malaysia, yang rakyatnya terdiri daripada pelbagai bangsa yang mengamalkan agama dan budaya yang berbeza, satu-satunya unsur yang mencirikan jati diri sebagai bangsa Malaysia adalah pengamalan satu bahasa kebangsaan yang sama, iaitu bahasa Melayu. Sesebuah bangsa perlu mempunyai ciri yang sama, yang dikongsi bersama. Bahasa ialah aspek paling asas bagi identiti sesebuah kebudayaan yang meresap sejak turun-temurun.

Menurut Kamal Shukri (2007), sebagai warganegara Malaysia, seseorang individu itu perlu bangga serta menghormati maruah, sejarah dan martabat bahasa kebangsaannya tanpa berbelah bahagi. Kesetiaan terhadap bahasa kebangsaan ini, perlu dizahirkan melalui pengamalan bahasa Melayu. Pengkaji mengibarat cinta terhadap bahasa umpama cinta kepada kekasih, yang jika tidak didampingi, maka sering dijauhi. Pengkaji menegaskan, khususnya kepada golongan teknokrat negara, pemimpin dan pentadbir, jika benar-benar cintakan bahasa kebangsaan negara, dampingilah selalu dan berucaplah selalu dalam bahasa Melayu. Berdasarkan pendapat Kamal Shukri (2007), maka penulis menyimpulkan kesetiaan, kebanggaan dan kecintaan terhadap bahasa yang menjadi tiga ciri utama melambangkan jati diri perlu dizahirkan melalui sikap dan persepsi yang positif serta penghayatan dan pengamalan yang tinggi terhadap bahasa itu sendiri. Faktor penting dalam pengekalan sesuatu bahasa, juga memerlukan penerapan sikap dan persepsi yang positif disulamkan dengan penghayatan dan pengamalan yang tinggi terhadap sesuatu bahasa, yang dalam konteks kajian ini merujuk kepada bahasa kebangsaan.

Bahasa Melayu merupakan simbol jati diri rakyat Malaysia yang tidak semudah-mudahnya berubah, bahkan seharusnya mempunyai hubungan yang erat dengan rakyat Malaysia tanpa mengira kaum seperti yang dinyatakan oleh Teo Kok Seong (2012), jati diri adalah keupayaan untuk terus lestari seperti sedia kala meskipun dirempuh perubahan (kadang kala bersifat bertalu-talu). Takrif begini menegaskan perlunya pengekalan kesamaan dan kesinambungan sejarah pada sesebuah kelompok. Namun ledakan era globalisasi kini dilihat telah memberi kesan buruk terhadap pembentukan jati diri rakyat Malaysia, khasnya generasi Z (Gen Z).

Pada tahun 2000, telah muncul Revolusi Industri 3.0, yang memberi tumpuan kepada perkembangan bidang perkomputeran dan teknologi maklumat. Jadi, tidak hairanlah jika Gen Z ini dikenali sebagai generasi teknologi kerana sejak mereka masih belum memperoleh bahasa pertama lagi, mereka telah mula didedahkan dengan penggunaan internet, gadget dan laman sosial. Gen Z membesar dalam dunia yang semuanya berhubung menerusi teknologi sejak dari awal lagi (Siti Mahani & Nazlinda, 2015), dan terus membesar dalam kepesatan dunia teknologi yang penuh berdaya saing apabila munculnya era Revolusi Industri 4.0 (RI4.0). RI4.0 mula diperkenalkan di Jerman pada tahun 2011, dan mula mendapat perhatian apabila Forum Ekonomi Dunia yang berlangsung pada 2016 mengumumkan dunia ketika ini berada di ambang RI4.0. Malaysia antara negara yang sedang bergerak ke hadapan dalam perkembangan RI4.0. RI4.0, ialah mengenai sistem dan sistem siber-fizikal yang boleh menghubungkan dunia digital dengan manusia melalui jalur lebar tanpa wayar seperti pengeluaran telefon pintar, televisyen pintar serta rumah pintar yang terdapat di pasaran kini (Dalmia & Sharma, 2017). RI4.0 melibatkan teknologi automasi yang memberi cabaran baharu kepada semua sektor di negara ini yang memerlukan mereka untuk melakukan perubahan yang seiring dengan transformasi digital bagi mengekalkan daya saing dan menggalakkan kemajuan landskap dunia moden (Kamaruddin & Che Aleha, 2018). Transformasi digital ini telah mengubah corak manusia berkomunikasi dan memberi kesan kepada jati diri bahasa seseorang individu mahupun sesebuah bangsa, seperti yang diperkatakan oleh Shahrehabaki, M. M. (2018):

The introduction of new literacy forms, along with multimedia communicative devices, has altered the processes, shapes, and pace of linguistic communication. Furthermore, the emergence of social media sites has made connectivity easier, cheaper, and less constrained by geography and time. It goes without saying that the proliferation of digital and electronic assets has had an effect on our linguistic identity.

(Shahrebabaki, M. M. 2018: 223)

Kemaraan era RI4.0 didapati turut memberi kesan kepada sistem pendidikan negara. Fenomena ini telah menjadi pemangkin kepada kepentingan menguasai bahasa Inggeris di Malaysia. Bermula pada 19 Julai 2002, sebagai langkah mengatasi kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar, jemaah menteri telah meluluskan usulan untuk melaksanakan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Keputusan tersebut telah diumumkan oleh Menteri Pendidikan ketika itu pada 20 Julai 2002. PPSMI telah dilaksanakan secara berperingkat bermula pada awal tahun 2003 yang melibatkan pelajar tahun 1, tingkatan 1 dan tingkatan enam bawah. Proses perubahan dasar ini berterusan sehingga melibatkan semua peringkat pendidikan rendah dan menengah pada tahun 2008. Pelaksanaan dasar PPSMI ini telah melibatkan pelajar-pelajar Gen Z yang lahir antara tahun 1995 hingga 2010.

Kajian yang dijalankan oleh Chew Fong Peng (2008) mendapati, dalam masa tiga tahun pelaksanaan PPSMI pelajar sudah menampakkan perubahan sikap, persepsi dan cara pertuturan mereka. Pelajar cenderung mencampuradukkan bahasa Melayu-bahasa Inggeris (BM-BI). Kajian tersebut turut mendapati bahawa guru-guru bahasa Melayu menunjukkan sikap kurang berpuas hati dengan PPSMI kerana PPSMI menjejaskan penggunaan bahasa Melayu. Para pelajar didapati lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris dalam perbincangan di dalam kelas dan bersama rakan sebaya. Pengkaji ini meramalkan bahawa PPSMI akan menjejaskan status dan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan komunikasi utama pelajar untuk jangka masa panjang.

Pelaksanaan PPSMI ini menurut Kamal Shukri (2009), telah menyebabkan kemerosotan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan komunikasi pelajar. Menurut pengkaji, peratusan penggunaan bahasa Melayu menerusi mata pelajaran semakin menurun mengikut tahap pendidikan. Di peringkat sekolah rendah, peruntukan masa untuk mata pelajaran yang menggunakan bahasa Melayu adalah sebanyak 60%, menjadi 62% di peringkat menengah rendah, seterusnya peratusan itu menjunam kepada 36% di peringkat menengah atas. Penggunaan bahasa Melayu di peringkat menengah tinggi merosot lagi kepada 20%. Keadaan itu menjadi semakin suram di peringkat pengajian tinggi sehingga tinggal hanya 9% sahaja kursus yang ditawarkan dalam bahasa Melayu.

Kesan RI4.0 bukan sahaja melibatkan perubahan corak pendidikan di peringkat sekolah sahaja malah turut melibatkan perubahan struktur akademik di peringkat pengajian tinggi. Semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT), sama ada awam mahupun swasta berusaha keras bagi memastikan produk yang dihasilkan melalui program-program yang ditawarkan memenuhi tuntutan pasaran pekerjaan yang bertunjangkan RI4.0. Sawal Hamid dalam Noor Azizah (2019) melihat sistem pendidikan Tinggi Malaysia sedang bergerak ke hadapan dalam perkembangan RI4.0. Kajian jati diri bahasa Melayu dalam kalangan pelajar universiti awam (UA) yang dijalankan oleh Zamri et al. (2017) mendapati aspek pengamalan bahasa Melayu pelajar, didapati paling rendah berbanding aspek pemahaman dan penghayatan di semua UA yang dikaji. Menurut pengkaji fenomena ini berlaku akibat penekanan kepada penguasaan lisan dan tulisan dalam bahasa Inggeris oleh pihak universiti telah mempengaruhi pembentukan tahap jati diri bahasa Melayu dari segi pemahaman, penghayatan dan khususnya dari segi pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar aliran pendidikan UA yang terlibat.

Yamasaki (2020), Zwisler (2018), Akinkurolere (2018), dan Beck & Lam (2008) dalam kajian mereka mencatatkan bahawa masalah kepupusan bahasa pribumi akibat tuntutan globalisasi

sebenarnya berpunca daripada jati diri penuturnya yang tidak kuat. Kelunturan jati diri berlaku apabila penutur sesuatu bahasa memandang bahasa asing itu lebih tinggi nilainya berbanding bahasa sendiri, dan akhirnya memusnahkan usaha untuk memelihara bahasa pribumi. Sikap yang suka membanggakan penggunaan bahasa asing, akhirnya mengubah jati diri mereka terhadap bahasa dan budaya asal. Sikap negatif sebegini menjadi pendorong kepada penurunan bahasa warisan. Kajian oleh Venturin (2019) pula menunjukkan bahawa, sentimen atau emosi yang kuat mampu mempengaruhi hubungan antara jati diri dan bahasa, khususnya dalam kalangan responden kajian yang dilakukan. Dapatan kajian juga menunjukkan, kognitif seseorang memainkan peranan yang besar, yang mampu mempengaruhi perspektif seseorang tentang peranan bahasa mereka dalam membina jati diri.

1.1 Konsep Pengamalan

Pengamalan berasal daripada kata dasar 'amal' yang membawa maksud pekerjaan atau perbuatan baik yang mendatangkan faedah kepada orang lain, 'amalan' pula ialah sesuatu perkara yang sudah menjadi kebiasaan dilakukan, manakala 'pengamalan' merujuk kepada perihal melakukan mengamalkan atau mengerjakan sesuatu (prpm.dbp.gov). Dalam konteks kajian ini ciri-ciri bagi pengamalan bahasa dalam kalangan Gen Z dilihat melalui penggunaan dan pemilihan bahasa dalam setiap urusan mereka. Zamri Mahamod et al. (2017), menjelaskan pengamalan bahasa Melayu mempunyai hubung kait dengan tahap jati diri bahasa Melayu. Ciri-ciri bagi pengamalan bahasa dalam dalam kalangan Gen Z dilihat melalui penggunaan dan pemilihan bahasa dalam setiap urusan mereka seperti semasa sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP), ketika berkomunikasi sesama rakan, menulis, melayari laman sesawang, penggunaan bahasa dalam media sosial dan sebagainya. Gen Z yang memilih menggunakan bahasa Melayu yang betul dalam situasi rasmi dan tidak rasmi, dianggap mempunyai tahap pengamalan yang tinggi terhadap bahasa Melayu.

2.0 KAJIAN TERDAHULU

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa kajian lalu yang berkaitan dengan kesan globalisasi terhadap bahasa Melayu turut ditelusuri bagi mendapatkan gambaran sebenarnya tentang kedudukan bahasa Melayu dalam menempuh arus globalisasi. Kajian Zaliza & Zaitul Azma (2012) misalnya menyatakan, globalisasi merupakan suatu gejala khusus dalam tamadun manusia yang bergerak terus dalam populasi global dan merupakan sebahagian proses manusia global yang menyentuh aspek kehidupan secara komprehensif. Zulkifley et al. (2010) yang mendapati remaja berumur 20 tahun ke bawah cenderung untuk memilih dan dipengaruhi budaya luar. Kajian pengkaji turut menunjukkan bahawa modenisasi, globalisasi dan perkembangan sains dan teknologi telah mempengaruhi minda remaja, sehingga menyebabkan wujudnya ketidakpercayaan terhadap kemampuan bahasa Melayu dalam dunia globalisasi. Gejala yang sama turut berlaku kepada bahasa Melayu Brunei apabila kajian Jalaludin (2008), mendapati, generasi yang berumur 20 tahun ke bawah sudah menganggap bahasa Melayu Brunei dalam sistem sapaan keluarga sudah tidak laku pemakaiannya di zaman mereka, kerana mereka lebih selesa menggunakan bahasa sapaan dalam bahasa Inggeris. Bahasa Melayu Brunei juga menurut pengkaji, dilihat tidak mempunyai kepentingan dan tidak mempunyai nilai ekonomi kerana penggunaan bahasa Inggeris lebih dominan dalam memacu ekonomi negara Brunei. Globalisasi memberi implikasi yang buruk terhadap jati diri bahasa sesebuah bangsa turut disokong oleh Marsudi (2009), yang mendapati perkembangan pesat era teknologi digital telah menuntut penguasaan yang tinggi terhadap bahasa Inggeris telah meminggirkan kedudukan bahasa Indonesia. Kajian tersebut juga mendapati rasa bangga terhadap bahasa Indonesia yang menjadi lambang jati diri bangsa Indonesia telah menurun kerana sikap masyarakat lebih memilih penggunaan bahasa asing berbanding bahasa Indonesia.

Selain itu, kajian ini juga menelusuri beberapa kajian yang berkaitan dengan aspek pengamalan dalam kajian mereka. Antaranya ialah Ramlah (2005), yang melihat konsep jati diri itu melalui

pemahaman, penghayatan dan pengamalan rukun negara dalam kalangan responden yang terdiri daripada pelajar institusi pengajian tinggi. Hasil kajian menunjukkan, pelajar institusi pengajian tinggi dalam kajian ini, yang mampu menghafal Rukun Negara dengan baik hanyalah 70.0% sahaja. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati terdapat ketirisan, pengurangan dan kelunturan tahap penghayatan, pemahaman dan pengamalan Rukun Negara dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia.

Kajian Zamri et al. (2017), turut melihat aspek pengamalan selain daripada aspek pemahaman dan penghayatan dalam mengenal pasti tahap jati diri bahasa Melayu pelajar aliran pendidikan di UA. Pengkaji menjalankan kajian ini dengan dua objektif utama, iaitu untuk mengenal pasti perbezaan tahap jati diri bahasa Melayu pelajar aliran pendidikan dalam mengikut lima UA yang dikaji, dan untuk mengenal pasti perbezaan tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu pelajar aliran pendidikan dalam mengikut lima UA yang dikaji. Responden kajian terdiri daripada pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia, yang dipilih secara rawak. Secara keseluruhannya, cerapan kajian menunjukkan tahap pengamalan jati diri bahasa Melayu pelajar pendidikan dalam kajian ini terhadap bahasa Melayu berada pada tahap kekal jati diri dengan nilai min 8.99. Purata min pula adalah di antara 7.78 hingga min 9.22.

Kajian ini seterusnya telah membuat perbandingan tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar aliran pendidikan di lima buah UA yang dikaji. Dapatan kajian menunjukkan, pelajar Universiti Malaya mencatatkan tahap pengamalan bahasa Melayu yang paling rendah berbanding pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia dari segi. Kemudian, pelajar Universiti Sains Malaysia pula didapati mempunyai tahap pengamalan bahasa Melayu yang paling tinggi berbanding pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia. Kajian ini mendapati aspek pengamalan bahasa Melayu pelajar pula, didapati paling rendah berbanding aspek pemahaman dan penghayatan di semua UA yang dikaji. Penekanan kepada penguasaan lisan dan tulisan dalam bahasa Inggeris oleh pihak universiti telah mempengaruhi pembentukan tahap jati diri bahasa Melayu dari segi pemahaman, penghayatan dan khususnya dari segi pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar aliran pendidikan UA yang terlibat.

Tiga tahun berikutnya, dalam tulisannya yang lain, Zamri et al. (2020), menggunakan kaedah kajian yang sama untuk mengkaji tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan rakyat Malaysia. Walaupun kajian kali ini berfokus kepada kaum Melayu, Cina, India, Melayu Bumiputera Sabah dan Bumiputera Sarawak, tetapi responden masih lagi dalam kelompok pelajar aliran pendidikan di UA. Kajian ini mengemukakan dua objektif, iaitu untuk mengenal pasti perbezaan tahap jati diri bahasa Melayu rakyat Malaysia mengikut kaum-kaum di Malaysia, dan untuk mengenal pasti perbezaan tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu rakyat Malaysia berdasarkan kaum-kaum yang dikaji. Melalui kajian ini didapati tahap pengamalan bahasa Melayu responden berada pada tahap masih kekal jati diri, dengan nilai min 7.33. Purata min pula adalah di antara 6.86 hingga min 7.82. Pernyataan "sebagai rakyat Malaysia saya gunakan bahasa Melayu untuk mencari bahan bacaan di laman sesawang", mencatatkan min terendah, iaitu 6.86, manakala pernyataan "...saya menggunakan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi dengan guru", mencatatkan min tertinggi, iaitu 7.82.

Selanjutnya, kajian ini turut meneliti kajian yang berkaitan dengan sosiokognitif. Nor Hashimah et al. (2013), yang mendapati lebih 30.0% pelajar Cina berpendapat bahawa penguasaan bahasa Melayu tidak penting bagi mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Menurut pengkaji, hal ini dapat dikaitkan dengan pola peluang pekerjaan yang mendominasi di Malaysia. Umumnya di sektor awam yang lebih mengutamakan penggunaan bahasa Melayu didominasi oleh kaum Melayu,

sementara kaum Cina lebih tertumpu di sektor swasta yang sememangnya kurang menggunakan bahasa Melayu. Kajian ini juga membuktikan sikap bahasa turut dipengaruhi oleh kawasan tempat tinggal. Sikap terhadap bahasa Melayu remaja di luar bandar adalah baik berbanding pelajar di bandar. Mengenai persepsi pelajar terhadap bahasa Melayu pula, kajian ini mendapati hanya 10.6% pelajar Cina bersetuju agar bahasa Melayu tidak diajarkan sebagai subjek wajib di sekolah, kerana mereka selesa dengan persekitaran yang tidak mementingkan bahasa Melayu. Sikap dan persepsi seseorang terhadap bahasa sentiasa berubah-ubah seiring dengan faktor sosial dan persekitaran mereka. Pembentukan dan tahap jati diri bahasa seseorang itu berbeza-beza kerana dipengaruhi oleh faktor-faktor sosiokognitifnya.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu dalam era RI4.0, serta pertaliannya dengan latar sosial yang melatari mereka. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z.
2. Menghuraikan fenomena pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z berlandaskan teori dan pendekatan sosiokognitif.

4.0 HIPOTESIS KAJIAN

Skop kajian ini terbatas pada hipotesis-hipotesis yang berikut:

- H₁ Terdapat perbezaan pengamalan bahasa Melayu yang signifikan dalam kalangan Gen Z yang mempunyai latar sosial yang berbeza.
- H₂ Terdapat hubungan pengamalan bahasa Melayu yang signifikan dalam kalangan Gen Z yang mempunyai latar sosial yang berbeza.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Fokus kajian ini adalah penelitian terhadap tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Gen Z. Data kuantitatif deskriptif yang diperolehi daripada soal selidik dimanfaatkan dalam kajian ini. Seramai 660 orang pelajar dari Gen Z yang lahir sekitar tahun 1998 - 2000 dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan untuk menjadi responden kajian ini. Instrumen yang dibangunkan khas untuk kajian terdiri daripada satu set soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A bertujuan untuk mendapatkan demografi Gen Z, bahagian B bertujuan untuk mengkaji pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Soalan-soalan untuk menguji pengamalan dibina dengan menggunakan skala Likert 10 skala. Skala ini diambil dan diolah berdasarkan kajian Indeks Belia Malaysia 2011 (IBM 2011). Bagi tujuan penginterpretasian skor, nilai pengukuran dibahagikan kepada empat tahap iaitu, skala min maksimum bagi Gen Z yang mempunyai tahap pengamalan yang sangat tinggi ialah 10, manakala skala min minimum bagi Gen Z yang mempunyai tahap pengamalan yang sangat rendah ialah 0. Seterusnya, berdasarkan skor min 0 - 10, maka penginterpretasian bagi komponen pengamalan dikelompokkan seperti Jadual 1;

Jadual 1 Skala min dan tahap interpretasi pengamalan bahasa Melayu

Skala Min	Tahap Interpretasi
0 - 3.99	Sangat rendah
4.00 - 5.99	Rendah
6.00 - 7.99	Tinggi
8.00 - 10.00	Sangat tinggi

6.0 SOSIOKOGITIF

Sosiokognitif merupakan istilah gabungan antara sosial dan kognitif, yang meliputi unsur sosial, seperti latar belakang keluarga, pendidikan, tempat tinggal, dan budaya; serta fenomena kognitif yang berhubungan erat dengan bahasa dan pembelajaran bahasa, seperti sikap, persepsi, pengamalan dan penghayatan. Kognisi sosial ditakrifkan oleh Baron dan Byrne (dalam Ali Asmah, 2016) sebagai cara individu menganalisis, mengingat, dan menggunakan informasi mengenai kejadian atau peristiwa-peristiwa sosial. Dalam kajian ini, terdapat dua konsep berbeza yang berkaitan dengan sosiokognitif, iaitu pendekatan sosiokognitif dan teori Sosiokognitif. Hal ini sesuai dengan pendapat Kern, R dan Warshauer, M (2000) yang mengatakan bahawa fenomena sosial dan kognitif yang selalu dilihat menggunakan pendekatan sosiokognitif ialah bahasa, yang dalam konteks sosiobudaya tertentu, membaca dan menulis diambil kira sebagai kaedah pemantapannya (Eskey, 1993 dalam Kern, R. dan Warschauer, M., 2000). Dalam konteks kajian ini, penulis menggunakan pendekatan sosiokognitif untuk melihat dan menganalisis pertalian komponen jati diri seperti sikap, persepsi, penghayatan, pengamalan, dengan jantina, lokasi tempat tinggal, kaum/etnik, aliran bidang pengajian dan status pendidikan sebagai unsur sosial yang mempengaruhi tahap jati diri bahasa Melayu Gen Z dalam kajian ini. Teori Sosiokognitif yang dikembangkan oleh Bandura (1989) pula dimanfaatkan untuk menghuraikan tahap jati diri bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z, yang dijangka mempunyai hubungan yang signifikan dengan faktor sosiokognitif mereka.


Bandura percaya bahawa personaliti dibentuk oleh perlakuan, pemboleh ubah personal, dan persekitaran. Hubungan ini dinamakan penentu timbal balik. Ketiga-tiga aspek ini saling berinteraksi dalam mempengaruhi perlakuan. Persekitaran merujuk kepada segala perkara yang wujud di sekeliling sesuatu kawasan, tempat atau sekitar. Sosial ialah istilah yang merujuk kepada hal-hal yang berkaitan masyarakat dan kemasyarakatan. Persekitaran sosial boleh mempengaruhi atau menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkah laku seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial seperti permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan (Azhar 2006). Persekitaran sosial yang dimaksudkan termasuklah elemen-elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu ibapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat, atau juga elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka (Zakaria Stapa et al. 2012). Bagi tujuan kajian ini, penulis menetapkan jantina, lokasi tempat tinggal, kaum/etnik, aliran bidang pengajian dan status pendidikan sebagai unsur persekitaran sosial yang dilihat mampu memberi kesan kepada pembentukan jati diri bahasa Gen Z.

Seterusnya, kognitif pula menurut Fahmi (2011), merujuk kepada aktiviti-aktiviti mental seperti berfikir, menaakul, menganalisis, membentuk konsep, menyelesaikan masalah dan sebagainya. Hayes J. and Allison C.W. (1998) menyatakan, kognitif juga merupakan cara seseorang memperoleh, memproses dan menilai sesuatu maklumat yang diterima. Kognitif mampu mempengaruhi cara seseorang mengimbas dan memerhati persekitaran untuk mendapatkan maklumat, cara menyusun dan mentafsir maklumat tersebut serta cara mengintegrasikan pentafsiran mereka dalam bentuk peta minda serta teori yang akan merangsang tindakan seterusnya. Justeru, kajian ini menetapkan sikap, persepsi, penghayatan, pengamalan sebagai aspek kognitif yang mampu mencorakkan pembentukan jati diri bahasa Melayu Gen Z. Sesuai dengan definisi operasional yang dikemukakan mengenai sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan, jelas menunjukkan keempat-empat komponen ini melibatkan aktiviti-aktiviti mental seperti berfikir, menaakul, menganalisis, menilai sesuatu menyusun dan mentafsir maklumat dan sebagainya. Tambahan pula kajian oleh pengkaji-pengkaji terdahulu mengenai jati diri mahupun sosiokognitif juga melihat aspek yang sama seperti sikap, persepsi, penghayatan dan pengamalan.

7.0 HASIL KAJIAN

7.1 Pengaruh dan Pertalian Latar Sosial dengan Pengamalan Gen Z Terhadap Bahasa Melayu.

Berdasarkan cerapan data, kajian ini mendapati latar sosial Gen Z dalam kajian ini iaitu jantina, lokasi tempat tinggal, kaum dan aliran bidang pengajian mempengaruhi tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z. Bahagian ini akan menganalisis pengaruh latar belakang sosial terhadap pengamalan bahasa Melayu Gen Z dalam kajian ini. Perincian pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu diilustrasikan melalui Rajah 1.



Rajah 1 Taburan tahap pengamalan bahasa Melayu Gen Z

Berdasarkan Rajah 1, secara umumnya menunjukkan majoriti Gen Z mempunyai pengamalan yang tinggi terhadap bahasa Melayu. Pengamalan Gen Z ini dapat dilihat melalui item-item yang diujikan dalam soal selidik. Item-item ini dianggap dapat memberikan gambaran pengamalan responden terhadap bahasa Melayu secara terperinci. Bagi tujuan analisis, hanya item dengan nilai min tertinggi dan min terendah yang dilihat sangat mempengaruhi tahap pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu akan dihuraikan. Perincian hasil soal selidik dirincikan melalui Jadual 2.

Jadual 2 Analisis soal selidik pengamalan bahasa Melayu Gen Z

Dimensi / Item	Peratusan persetujuan					
	STS	TS	TK	S	SS	MIN
A1. Saya lebih selesa untuk mengemas kini status dalam media sosial menggunakan bahasa Inggeris kerana lebih menepati maksud yang hendak saya sampaikan.	11.8	15.5	31.7	22.6	18.5	5.9
A2. Saya sangat prihatin terhadap kesalahan bahasa ketika membaca sesuatu yang ditulis dalam bahasa Melayu.	1.5	7.3	26.4	33.5	31.4	6.2
A3. Saya tidak selesa untuk menggunakan bahasa yang bercampur-campur semasa bersembang dengan rakan sebaya atau sesiapa sahaja.	16.7	25.9	34.4	11.8	11.2	5.0
A4. Saya berasa lebih yakin untuk menyampaikan idea atau maklumat dalam bahasa Melayu kerana saya lebih memahami bahasa Melayu dan saya terlihat lebih berwibawa.	14.1	20.8	33.8	18.6	12.7	4.3

A5. *Bahasa Inggeris wajib digunakan dalam majlis yang turut dihadiri oleh warga asing tanpa sebarang alasan.	12.7	18	30.8	23.9	14.5	5.6
A6. Saya sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu saya kerana saya malu sekiranya bahasa Melayu saya tidak bagus.	1.7	2.4	14.5	24.8	56.5	8.2
A7. *Istilah bahasa Inggeris yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu lebih susah untuk saya fahami maksudnya.	10.0	17.7	33.8	22.0	16.5	5.4
A8. *Injin carian aplikasi atau laman web yang menggunakan bahasa Melayu menyukarkan saya untuk membuat carian.	13.0	17.0	31.0	23.6	15.6	5.3
A9. Saya tidak berasa malu untuk memperkenalkan bahasa dan budaya Melayu sebagai identiti kebangsaan Malaysia kepada warga asing.	1.5	3.6	20.5	28.2	46.2	7.8
A10. Bertutur dalam bahasa Melayu perlu disertai dengan pengamalan budaya Melayu.	12.7	6.8	25.2	23.6	31.7	6.6

Nota: (STS) Sangat Tidak Setuju, (TS) Tidak Setuju, (TK) Tiada Kaitan, (S) Setuju, (SS) Sangatsetuju, (MIN) Julat Skor Min.

*Kenyataan berbentuk negatif, nilainya diterbalikkan untuk tujuan pengiraan min.

Kajian ini mengemukakan hipotesis bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dengan pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, hasil ujian Khi Kuasa Dua, $\chi^2 = 6.376a$, $p = 0.95 > 0.05$, seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa kajian mendapat bukti yang cukup untuk menolak hipotesis tersebut dan menerima hipotesis null (H_0). Sebenarnya, tidak wujud hubungan atau pertalian antara jantina dengan pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu. Melalui jadual tersebut juga dapat dilihat bahawa taburan sikap Gen Z berdasarkan jantina adalah hampir sekata, iaitu antara 0.9% hingga 51.0%.

Jadual 3 Hubungan antara jantina dengan pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu.

Jantina	Pengamalan%				Jumlah	χ^2	P	w
	Sangat Rendah	Rendah	Tinggi	Sangat Tinggi				
Lelaki	1.8	42.5	47.6	8.1	332	6.376 ^a	0.95	0.098
Perempuan	0.9	34.8	52.7	11.6	328			

Hasil ujian-T yang dijalankan menunjukkan nilai $t = -2.939$, $p = 0.03 < 0.05$ memperkukuh dapatan bahawa wujud perbezaan tahap pengamalan yang signifikan dalam kalangan Gen Z lelaki dan perempuan terhadap bahasa Melayu. Min bagi perempuan ialah 6.409, manakala min untuk remaja lelaki ialah 6.223. Berdasarkan nilai min ini, dapat dirumuskan tahap pengamalan Gen Z perempuan terhadap bahasa Melayu adalah lebih tinggi berbanding dengan Gen Z lelaki dengan perbezaan min yang kecil iaitu 0.267

Selain itu, hasil dapatan data juga menunjukkan faktor lokasi tempat tinggal, iaitu bandar, pinggir bandar dan luar bandar, turut mempengaruhi pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu. Ujian Khi Kuasa Dua yang dijalankan memberikan penjelasan bahawa pengamalan Gen Z luar bandardidapati lebih positif terhadap bahasa Melayu berbanding dengan remaja bandar dan pinggir bandar walaupun jurang perbezaan yang berlaku tidak begitu besar. Hasil ujian Khi Kuasa Dua adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Hubungan antara lokasi tempat tinggal dengan pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu

Kawasan Tempat Tinggal	Pengamalan %				Jumlah	χ^2	P	w
	Sangat Rendah	Rendah	Tinggi	Sangat Tinggi				
Bandar	1.3	38.6	51.9	8.2	389	6.0003 ^a	0.423	0.067
Pinggir Bandar	1.3	42.5	45.6	10.6	160			
Luar Bandar	1.8	33.3	50.5	14.4	111			

Berdasarkan cerapan data dalam Jadual 4, kajian menunjukkan Gen Z di luar bandar mempunyai tahap pengamalan yang lebih tinggi terhadap bahasa Melayu berbanding dengan Gen Z di bandar dan pinggir bandar. Gen Z di bandar, mempunyai pengamalan yang rendah diikuti dengan Gen Z di pinggir bandar. Hasil ujian Khi Kuasa Dua, $\chi^2 = 6.0003^a$, $p = 0.423 > 0.05$, menunjukkan bahawa kajian ini tidak mempunyai bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis null (H_0) yang mengatakan bahawa tidak ada perkaitan yang signifikan antara lokasi tempat tinggal dengan pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu. Hasil ujian ANOVA, $F = 2.521$, $p = 0.081 > 0.05$, juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap pengamalan bahasa Melayu yang signifikan dalam kalangan Gen Z.

Selanjutnya, hasil cerapan mendapati selain daripada jantina dan lokasi, kaum juga merupakan salah satu faktor yang mewujudkan perbezaan pengamalan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z. Hasil ujian Khi Kuasa Dua mendapati $\chi^2 = 36.826^a$, $p = 0.000 < 0.05$, mempunyai bukti yang cukup untuk menolak H_0 null yang mengatakan tidak ada hubungan yang signifikan antara kaum dengan pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu. Namun hubungannya adalah kecil dengan nilai V Cramer $w = 0.136$. Hasil ujian Khi Kuasa Dua adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.

Jadual 5 Hubungan antara kaum dengan pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu

Kaum	Pengamalan%				Jumlah	χ^2	P	w
	Sangat Rendah	Rendah	Tinggi	Sangat Tinggi				
Melayu	1.4	30.4	55.8	12.3	414	36.826 ^a	0.000	0.136
Cina	1.4	54.8	38.4	5.5	146			
India	0.0	52.5	44.1	3.4	59			
Bumiputera	2.4	43.9	43.9	9.8	41			

Untuk melihat sama ada wujud atau tidak perbezaan pengamalan dalam kalangan Gen Z yang berlainan kaum ujian ANOVA dilakukan. Hasil ujian ANOVA, $F = 9.374$, $p = 0.000 < 0.05$ membuktikan bahawa terdapat perbezaan pengamalan yang signifikan dalam kalangan Gen Z yang berlainan kaum/etnik. Berdasarkan hasil ujian ANOVA, maka H_0 null yang mengatakan tidak terdapat perbezaan pengamalan yang signifikan dalam kalangan Gen Z yang berlainan kaum/etnik ditolak. Berdasarkan nilai PostHoc dan Sheffer kajian mencatatkan min keseluruhan pengamalan untuk kaum Melayu ialah 6.525, min untuk etnik Bumiputera ialah 6.353, min untuk kaum India ialah 6.157, dan min untuk kaum Cina ialah 5.956. Min bagi kaum Cina adalah yang terendah dan min bagi kaum Melayu adalah yang tertinggi. Dapat diandaikan Gen Z yang berbangsa Melayu mempunyai pengamalan yang lebih tinggi berbanding kaum-kaum lagi.

Selanjutnya kajian turut melihat aliran bidang pengajian juga merupakan faktor yang boleh mempengaruhi pengamalan bahasa Melayu Gen Z. Hasil ujian Khi Kuasa Dua, $\chi^2 = 55.527^a$, $p = 0.000 < 0.05$, seperti dipaparkan dalam Jadual 6, menunjukkan bahawa kajian ini mempunyai bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis null (H_0) yang mengatakan bahawa tidak ada

hubungan yang signifikan antara Gen Z yang berlainan bidang pengajian dengan pengamalan terhadap bahasa Melayu. Bidang pengajian Gen Z mempunyai pertalian langsung dengan pengamalan mereka terhadap bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, nilai π ($w = 0.167$) menunjukkan pertalian yang berlaku adalah pertalian yang kecil.

Jadual 6 Hubungan antara aliran bidang pengajian dengan pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu

Bidang Pengajian	Pengamalan%				Jumlah	χ^2	P	w
	Sangat Rendah	Rendah	Tinggi	Sangat Tinggi				
Teknologi Kejuruteraan	1.1	38.7	54.3	5.9	372	55.527 ^a	0.000	0.167
Sains & Teknologi	1.4	37.5	50.0	11.1	72			
Perubatan	2.0	49.0	39.2	9.8	51			
Ekonomi/ Perniagaan/ Perakaunan	2.6	44.2	42.9	10.4	77			
Komunikasi	2.0	29.4	52.9	15.7	51			
Bahasa & Sastera	0.0	20.0	36.7	43.3	30			
Lain-lain	0.0	57.1	28.6	14.3	7			

Ujian ANOVA yang dilakukan, $F = 6.096$, $p = 0.000 < 0.05$, cukup membuktikan memang wujud perbezaan tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z dari bidang pengajian yang berlainan. Berdasarkan nilai PostHoc dan Sheffer kajian mencatatkan min tertinggi ialah Gen Z yang mengambil bidang Bahasa & Sastera dengan nilai min 7.430, diikuti dengan bidang Komunikasi dengan nilai min 6.682, Sains & Teknologi 6.452, Teknologi Kejuruteraan 6.276, lain-lain 6.2286, Ekonomi/Perniagaan/Perakaunan 6.276, dan yang min terendah ialah bidang Perubatan 6.1078. Dapat disimpulkan secara umum, Gen Z yang mengambil jurusan Bahasa & Sastera mempunyai tahap pengamalan bahasa Melayu yang lebih tinggi, manakala Gen Z dalam bidang Perubatan mempunyai tahap pengamalan bahasa Melayu yang rendah.

7.2 Pengamalan Bahasa Melayu Gen Z Dari Perspektif Sosikognitif

Sebanyak 10 item soal selidik yang berkaitan dengan pengamalan terhadap bahasa Melayu telah diajukan kepada responden. Antara item komponen pengamalan dengan nilai min terendah yang dilihat sangat mempengaruhi persepsi negatif Gen Z terhadap bahasa Melayu ialah berkaitan dengan (i) saya berasa lebih yakin untuk menyampaikan idea atau maklumat dalam bahasa Melayu kerana saya lebih memahami bahasa Melayu dan saya terlihat lebih berwibawa. Item komponen pengamalan dengan nilai min tertinggi pula ialah berkaitan dengan (ii) sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu kerana malu sekiranya bahasa Melayu tidak bagus. Item komponen ini akan dihujahkan dengan mendalam berlandaskan teori dan pendekatan sosiokognitif.

- i. Saya berasa lebih yakin untuk menyampaikan idea atau maklumat dalam bahasa Melayu kerana saya lebih memahami bahasa Melayu dan saya terlihat lebih berwibawa

Kajian ini mendapati faktor kelunturan jati diri dalam kalangan Gen Z, juga disebabkan ketidakpercayaan mereka terhadap peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu tinggi. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati hanya 31.3% Gen Z dalam kajian ini menyatakan yakin

untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai medium menyampaikan idea atau maklumat. Manakala 34.9% Gen Z dalam kajian ini menyatakan tidak yakin untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai medium menyampaikan idea atau maklumat dan 33.8% lagi tidak mengambil berat atau tidak kisah untuk menggunakan apa-apa bahasa dalam menyampaikan maklumat. Terdapat dua kemungkinan yang boleh dibuat, sama ada Gen Z memilih tidak peduli sebagai jawapan kerana tidak mahu dilihat bias dengan bahasa kebangsaan sendiri, atau kemungkinan kedua pilihan jawapan itu sememangnya merupakan cerminan pemikiran dan pengamalan bahasa harian mereka.

Selanjutnya kajian turut mendapati majoriti Gen Z kaum Cina dalam kajian ini berasa tidak yakin untuk menyampaikan idea atau maklumat dengan menggunakan bahasa Melayu, berbanding dengan kaum-kaum lain. Masalah ini berpunca daripada ketidakfasihan mereka berbahasa Melayu dan juga kerana pengaruh bahasa pertama mereka. Wawancara bersama responden Gen Z dari kaum Cina mencatatkan;

“Boleh cakap dalam Melayu, tapi ada rasa macam maksud itu tak sampai. Kadang-kadang kita fikir lagi apa perkataan mau cakap. Contoh macam presentation, bila cakap Melayu mesti ada campur-campur English, sebab kita tak tau perkataan tu dalam bahasa. Tapi...kalau dengan kawan-kawan sama dengan kita, kita cakap bahasa Cina. Lagi senang mau cakap.... mau faham.”

(Sumber: Responden 4)

Masalah penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Cina, memang tidak dapat dielakkan sepenuhnya memandangkan pelajar Cina yang tidak bercakap dalam bahasa Melayu (Ang Lay Hoon & Che Radiah 2012), sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan aliran kebangsaan. Punca masalah penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan kaum Cina ini pernah dijelaskan melalui kajian Ang Lay Hoon & Che Radiah (2012), iaitu pelajar Cina mempelajari bahasa Melayu tetapi penggunaan bahasa ibunda masih berterusan di rumah dan selepas sekolah dan pengaruh ibu bapa pula masih kuat kepada mereka yang berada dalam lingkungan umur kanak-kanak. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji juga menunjukkan 93.4% pelajar Cina menggunakan dialek Cina sebagai bahasa utama dalam keluarga, dan terdapat juga 48.9% bertutur dalam bahasa Inggeris. Mereka merakam dan meniru aktiviti kebahasaan yang diamalkan oleh model peranan bernyawa di sekeliling mereka terutamanya ibu bapa dan ahli keluarga.

Hasil wawancara juga mendapati antara punca mengapa terdapat segelintir Gen Z yang tidak berasa yakin untuk menyampaikan idea atau maklumat menggunakan bahasa Melayu juga disebabkan, kurangnya pengetahuan tentang istilah yang ada dalam bahasa Melayu terutamanya dalam bidang kejuruteraan. Istilah-istilah yang sedia ada pula tidak diperkasa sehingga menjadi pelik untuk digunakan. Mereka merasakan apabila menggunakan bahasa Melayu, maklumat yang ingin disampaikan itu tidak sampai kepada pendengar. Kenyataan Gen Z ini menguatkan lagi dapatan daripada soal selidik kajian. Hasil soal selidik mendapati, 39.0% Gen Z merasakan istilah dalam bahasa Inggeris yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, lebih sukar difahami oleh mereka. Hasil wawancara mencatatkan;

“Kalau *presentation* dalam kelas, saya prefer guna bahasa Inggeris, sebab banyak *term engineering* ni tak tahu dalam BM apa. Kadang-kadang bila guna BM kawan-kawan pun tak faham, maksud tu tak sampai. Pensyarah pun *prefer* guna bahasa Inggeris. *Exam, test* semua dalam BI.”

(Sumber: Responden 5)

Berdasarkan wawancara yang dilakukan, pada hemat penulis, istilah yang dimaksudkan oleh responden ialah istilah-istilah teknikal, khususnya dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan, kerana responden merupakan pelajar di sebuah universiti teknikal yang mengambil jurusan kejuruteraan. Dapatan kajian ini dilihat sealiran dengan kajian Noor Azmira (2019), yang mendapati responden kajiannya seolah-olah cuba mencari kekurangan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang dianggap tidak sesuai dipraktikkan dalam bidang

akademik kerana tidak mempunyai istilah yang mencukupi terutamanya dalam bidang sains dan teknologi, tidak boleh bersaing dengan Bahasa Inggeris. Menurut Ku Hasnan (2012), kekurangan bahan ilmiah dalam bahasa Melayu itu sendiri, telah menyebabkan kemelesetan bahasa Melayu itu berlaku.

Tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z dilihat agak terhad di peringkat pengajian tinggi sama ada di UA mahupun di IPTS. Kebanyakan kursus yang ditawarkan menuntut penggunaan bahasa Inggeris yang tinggi kecuali di dalam kelas pengajaran Bahasa Melayu. Desakan penggunaan bahasa Inggeris yang tinggi merupakan satu bentuk penegasan dari sudut sosiokognitif, yang telah memotivasikan Gen Z supaya mempersiapkan diri untuk menguasai bahasa tersebut dengan baik agar tidak ketinggalan dalam pelajaran dan juga dapat menjawab soalan peperiksaan dengan baik. Tambahan pula, dalam era digital ini menguasai bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, dilihat Gen Z sebagai satu kelebihan. Justeru, menjadikan mereka benar-benar termotivasi mahu mempersiapkan diri untuk berdaya saing dengan masyarakat luar apabila tamat pengajian nanti. Sesuai dengan pandangan Bandura (1989), iaitu corak pemikiran seseorang dipengaruhi oleh kepercayaannya terhadap kemampuan diri untuk melakukan sesuatu yang mungkin menolong dirinya atau menjadi penghalang kepada dirinya. Fungsi utama pemikiran menurut Bandura adalah untuk membolehkan manusia menjangkakan perkara yang bakal berlaku dan membuat persiapan untuk mengawal perkara-perkara yang akan mempengaruhi kehidupan seharian mereka. Oleh itu dalam konteks kajian ini, didapati Gen Z telah membayangkan dan menjangkakan kehendak pasaran pekerjaan selepas mereka tamat pengajian nanti, maka mereka telah mempersiapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran khususnya kemahiran berbahasa Inggeris yang dilihat menjadi kelebihan untuk memasarkan diri dalam sektor kerjaya.

Sebenarnya, persiapan ini telah bermula dari ibu bapa mereka sendiri. Apabila kerajaan memperkenalkan dasar PPSMI dan DLP, ibu bapa telah mula menjangkakan akan keperluan menguasai bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris bagi menghadapi era globalisasi ini. Bagi memastikan anak-anak mereka tidak ketinggalan dan berdaya saing, ibu bapa telah mempersiapkan anak-anak mereka dengan pelbagai kemahiran, terutamanya kemahiran berbahasa Inggeris. Responden dalam kajian ini ialah Gen Z, yang lahir, membesar dan merupakan pelajar yang melalui dasar PPSMI. Selain dari motivasi diri sendiri untuk memantapkan penggunaan bahasa Inggeris, kajian ini juga mendapati persekitaran Gen Z yang terdedah dengan penggunaan bahasa Inggeris yang tinggi turut mempengaruhi jati diri bahasa mereka. Kajian Noor Azmira (2019), mendapati seramai 72.0 % pelajar bersetuju bahawa bahasa Melayu sudah tidak relevan digunakan sebagai bahasa ilmu dan mereka lebih memilih bahasa Inggeris sebagai bahasa yang lebih efektif dalam bidang pendidikan. Budaya berbahasa Melayu dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat Malaysia tidak cukup mantap kerana adanya anggapan bahawa bahasa Melayu tidak berkorelasi dengan taraf sosial dan pendidikan serta tidak mempunyai nilai ekonomi yang tinggi, sementara bahasa Inggeris telah dijadikan kayu ukur taraf sosial dan pendidikan serta menjanjikan pulangan ekonomi misalnya dalam hal peluang pekerjaan (Awang Sariyan, 2018).

Bandura (1997) berpendapat bahawa banyak teori kognitif mengandaikan pembelajaran terhasil daripada interaksi dengan persekitaran. Namun, beliau mengatakan, selain interaksi dengan persekitaran, faktor kesedaran dalaman remaja yang mempengaruhi persepsi dan tindakan seseorang dalam sesuatu proses pembelajaran juga merupakan faktor yang perlu diberikan perhatian. Dalam hal ini, tingkah laku manusia dikatakan berlaku hasil hubungan antara persekitaran dengan skema kognitif manusia itu sendiri. Gen Z mengubah tingkah lakunya melalui pengukuhan model orang di sekelilingnya terutama ibu bapa dan guru. Gen Z melihat kepentingan menguasai bahasa Inggeris daripada ibu bapa dan sistem pendidikan. Bandura juga berpendapat, kanak-kanak dan remaja banyak belajar melalui peniruan. Menurutnya, tingkah laku manusia terhasil kesan daripada pengalaman pengasuhan kanak-kanak. Oleh itu, dapat

disimpulkan bahawa jati diri bahasa Gen Z ini adalah hasil asuhan dan kehendak ibu bapa dan sistem pendidikan negara.

Pihak kerajaan harus memandang serius akan hal ini. Jika perkara ini tidak dibendung, suatu masa nanti bahasa Melayu akan hilang peranannya sebagai bahasa ilmu tinggi, seperti yang pernah dikatakan oleh Ku Hasnan (2012), dalam makalahnya;

“Buku dalam bidang sains, perubatan, ekonomi, perniagaan dan teknologi tidak akan diterbitkan dalam bahasa Melayu kerana tidak akan ada lagi pembacanya. Kedudukan bahasa Melayu dalam semua bidang, terutama dalam bidang ilmu dan perniagaan di negara bertuah Malaysia ini akan jatuh ke nombor tiga di bawah bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin. Amatlah mencemaskan bahawa pada satu waktu kelak bahasa Melayu hanya menjadi bahasa penghantar bagi kira-kira 20% sahaja, iaitu bagi mata pelajaran yang bukan tergolong dalam sains dan teknologi”.

Istilah-istilah moden yang telah dicipta bagi memenuhi keperluan bidang sains dan teknologi seharusnya digemakan kembali penggunaannya melalui kempen secara besar-besaran agar istilah-istilah tersebut sampai kepada golongan sasaran setiap bidang. Selari dengan dunia digital kini, istilah baru yang dicipta seharusnya ditularkan melalui semua platform media baharu yang ada agar tidak menjadi janggal disebut dan pelik didengar. Setiap perkara yang baru, apabila sentiasa digunakan, hingga menjadi tular, lama-kelamaan akan menjadi kelaziman dalam masyarakat, khususnya dalam dunia pendidikan. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa sains dan teknologi semakin lama semakin hilang dan dihakis secara langsung dan tidak langsung akibat penggunaan bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris. Bahasa Melayu akan dianggap sebagai bahasa yang hanya mampu mengungkapkan ilmu yang kurang penting dan biasa-biasa sahaja.

- ii. Sentiasa Berusaha untuk Meningkatkan Penguasaan Bahasa Melayu kerana Malu Sekiranya Bahasa Melayu Tidak Bagus.

Selanjutnya, kajian juga mendapati bahawa antara perkara yang mengimbangi tahap jati diri Gen Z agar masih berada pada tahap kekal jati diri secara keseluruhannya ialah berkaitan dengan penetapan syarat lulus untuk bergraduasi. Berdasarkan item yang diuji di bawah komponen jati diri pengamalan, hasil pengujian mendapati 81.3% Gen Z dalam kajian ini menyatakan mereka sentiasa berusaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka.

Hal ini sebenarnya berkait rapat dengan penetapan syarat lulus bahasa Melayu sebagai syarat wajib untuk bergraduasi. Dari sudut pandang sosiokognitif, penetapan syarat wajib ini merupakan satu penegasan iaitu prinsip terakhir dalam proses peniruan yang dikemukakan oleh Bandura. Penegasan ini, dilihat oleh penulis sebagai satu galakkan yang menyebabkan Gen Z berusaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu mereka, kerana mereka ada matlamat yang ingin dicapai iaitu memenuhi syarat bergraduasi. Hal ini diperkuatkan lagi dengan hasil wawancara terfokus bersama beberapa orang pelajar yang dianggap dapat mewakili kelompok ini.

“Kenalah belajar. Nanti kalau gagal... CGPA tak cantik pulak...”

(Sumber: Responden 6)

“Kalau tak wajib ambil, memang takkan ambillah...sebab saya rasa macam tiada kaitan dengan *course engineering* ni.”

(Sumber: Responden 7)

Berdasarkan perbualan bersama responden kajian, dapatlah disimpulkan bahawa jati diri yang tinggi ini bukanlah kerana mereka yang benar-benar suka atau minat terhadap bahasa Melayu.

Hal ini kerana, walaupun mereka bersikap negatif terhadap bahasa Melayu, tetapi mereka tetap akan berusaha untuk mendapatkan keputusan peperiksaan yang baik. Jika mereka gagal menguasai bahasa Melayu ini akan mendorong mereka gagal dalam peperiksaan dan terpaksa mengulang semula subjek ini untuk semester yang akan datang. Tambahan pula, keputusan peperiksaan subjek bahasa Melayu ini akan memberi kesan kepada nilai purata nilai gred kumulatif mereka.

Teori Sosiokognitif Bandura (1989) mengatakan, motivasi adalah konstruk kognitif yang mempunyai dua sumber, pertama gambaran hasil pada masa akan datang, kedua harapan untuk merealisasikan apa yang digambarkan oleh mereka. Kepercayaan terhadap kemampuan/keupayaan diri adalah penting dan berfungsi sebagai penentu motivasi manusia, mempengaruhi, dan tindakan. Kebanyakan tingkah laku manusia ditentukan oleh apa yang difikirkan merangkumi matlamat yang disedari, dan matlamat peribadi yang ingin dicapai yang dipengaruhi oleh penilaian keupayaan diri sendiri. Semakin tinggi seseorang itu merasa dirinya mampu melakukan sesuatu, semakin tinggi matlamat yang ditetapkan untuk diri mereka sendiri dan semakin tinggi pula komitmen mereka untuk melakukannya. Hal ini dinyatakan oleh Bandura sebagai:

One of the most important and widespread mechanisms of personal agency is people's assumptions about their ability to exert control over events that affect their lives. Self-efficacy beliefs are a key collection of proximal determinants of human motivation, affect, and behaviour. Via motivational, cognitive, and affective intervening mechanisms, they work on behaviour. Affective arousal and thought patterns, for example, are fascinating mechanisms in and of themselves.

(Bandura, 1989: 1175)

Cerapan data soal selidik dan wawancara, kajian ini juga mendapati Gen Z berusaha untuk meningkatkan penguasaan bahasa mereka kerana akan berasa malu jika gagal dan terpaksa mengulang semula subjek ini pada semester akan datang. Hal ini berkaitan dengan dinamika keperibadian Gen Z, iaitu mereka berusaha mencapai sasaran mereka kerana termotivasi untuk mendapat keputusan yang baik dalam subjek bahasa Melayu. Kajian mendapati hampir 41.0% Gen Z dari UA dan IPTS, tidak peduli untuk meningkat penguasaan bahasa Melayu. Hal ini kerana, subjek bahasa Melayu tiada dalam silabus kurikulum pengajian mereka, justeru mereka tiada motivasi untuk berusaha meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu mereka.

8.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini telah menjelaskan fenomena pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z, menggunakan teori dan pendekatan sosiokognitif telah mencapai objektif kajian. Kajian ini mendapati, pengamalan bahasa Melayu Gen Z dalam kajian ini bermula dengan proses mengamati dan meniru perilaku model peranan. Model peranan bernyawa seperti ibu bapa, keluarga terdekat, masyarakat sekeliling dan guru adalah yang paling kuat mempengaruhi pengamalan Gen Z terhadap bahasa Melayu. Model peranan bernyawa sering kali bertindak balas dengan kognisi Gen Z untuk membentuk jati diri iaitu menerima bentuk atau pola kebahasaan yang berlaku dalam masyarakat. Kajian ini juga mendapati syarat untuk bergraduasi merupakan faktor paling penting, yang menyuntik motivasi Gen Z agar selalu berusaha untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Tingkah laku manusia ditentukan oleh apa yang difikirkan merangkumi matlamat yang disedari, dan matlamat peribadi yang ingin dicapai yang dipengaruhi oleh penilaian keupayaan diri sendiri. Analisis keterkaitan antara latar sosial Gen Z dengan pengamalan bahasa Melayu menunjukkan bahawa latar sosial juga berperanan dalam mempengaruhi tahap pengamalan bahasa Melayu Gen Z. Hasil analisis kajian membuktikan, hanya latar sosial kaum/etnik dan aliran bidang pengajian sahaja yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pengamalan bahasa Melayu dalam kalangan Gen Z. Namun, dari segi perbezaan tahap pengamalan, kajian ini telah membuktikan bahawa kesemua latar sosial iaitu jantina, lokasi tempat tinggal, kaum/etnik dan aliran bidang pengajian sememangnya mempunyai perbezaan yang signifikan dengan tahap pengamalan bahasa Melayu Gen Z.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 16: 59-81. Diakses pada 27/3/2018 dari <http://web.usm.my/kajh/kajh16/KAJH4Abdullah%285981%29A%5B1%5D.pdf>
- Akinkurolere, S. O. (2018). A Study on the Extinction of Indigenous Languages in Nigeria: Causes and Possible Solutions. *Annals of Language and Literature*, 2(1), 22-26.
- Ali, A. (2016). Psikologi sosial: Teori dan aplikasi (Edisi ke-6). Bumi Aksara.
- Arndt Graf. (2020). Cabaran pelestarian bahasa Melayu menjelang revolusi industri keempat. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13(1): 161-172.
- Awang Sariyan. (2018). Mencari Makna Diri Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Azhar (2006). Psikologi sosial. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Bandura, A. (1986). Social Foundations of Thoughts and Action: A Social Cognitive Theory. Englewood Cliffs, NJ.: Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1989). Human agency in social cognitive theory. *American Psychologist*, 1175-1184.
- Beck, D., & Lam, Y. (2008). Language loss and linguistic suicide: A case study from the Sierra Norte de Puebla, Mexico. *Toronto Working Papers in Linguistics*, 27.
- Chew Feng Pong. (2008). Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI): penerimaan dan kesannya terhadap status Bahasa Melayu. *Jurnal Sarjana*, (23): 52-71. Diakses pada 4/11/2017 dari http://www.myjournal.my/filebank/published_article/14562/Art_4.PDF.
- Dalmia, V., & Sharma, K. (2017). The moral dilemmas of the Fourth Industrial Revolution. *South African Journal of Industrial Engineering*, 3(1), 97-102.
- Hayes J. and Allison C.W. (1998). Cognitive style and the theory and the practice of individual and collective learning in organizations. *Human Relations*. 51: 847-871
- Fahmi (2011). Pembelajaran kognitif. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Jalaludin Chuchu. (2008). Bahasa Melayu Brunei dan identiti: hala tuju ke depan. *Jurnal Linguistik Indonesia*, 2: 185-196.
- Kamal Shukri Abdullah Sani. (2009). Bahasa Melayu akan pupus. Dlm. Abdullah Hassan (Pnyt.), *Mengapa kami bantah! Pengajaran & pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI)*. Edisi Kedua (hlm. 113-130). Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia
- Kamaruddin Illias & Che Aleha Ladin. (2018). Pengetahuan dan kesediaan Revolusi Industri 4.0 dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 6(2), 18-26.
- Kern, R., & Warshauer, M. (2000). Introduction: Theory and practice of network-based language teaching. In *Network-Based Language Teaching* (hlm.1-19). Cambridge University Press.
- Ku Hasnan Ku Halim. (2012). Membugar Harapan Pemersatuan atau Menanti Masa Ditalkinkan atas Nama Bernegara? Di Mana Bahasa Melayu dalam Pemupukan Jati Diri Bangsa Setelah 55 Tahun Merdeka. Diakses pada 13/11/2020 dari http://eprints.uthm.edu.my/3843/1/Kertas_Bahasa_Melayu_dan_Jati_Diri_Bangsa_3.pdf
- Marsudi. (2009). Jati diri bahasa Indonesia di era globalisasi teknologi informasi. *Jurnal Sosial Humaniorah*, 2 (2) : 133-148.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad. (2010). Sosiokognitif pelajar remaja terhadap bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10 (3): 68-87
- Nor Hahimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Mustafa Omar. (2013). *Penguasaan Bahasa Melayu Remaja Sabah dan Sarawak*. Edisi Pertama. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Noor Azizah Noorashid. (2019). Revolusi industri 4.0: impak terhadap perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia. *Journal of Sciences and Management Research*, 5: 55-67
- Nur Uzuki Yusuff & Khuzaiton Zakaria. (2018). Loghat Kelantan pemangkin jati diri rakyat Kelantan: kelestarian dan pemerkaannya. *International Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 1(2): 25-39. Diakses pada 30/1/2021 dari <http://insaniah.umk.edu.my/journal/index.php/insaniah/article/view/24>
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2003). Pendekatan sosiokognitif dalam seni kartun: kajian kes kartun Lat. *Jurnal Bahasa*, 3: 433-645
- Ramlah Adam. (2005). Kajian tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan Rukun Negara di kalangan pelajar IPT. *Geran Penyelidikan*, Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional.

- Rovira, Lourdes C. (2008). The relationship between language identity. the use of the language as human right of the immigrant. Remhu- Revista Interdisciplinar da Humana. 16(31), 63-81. Diakses pada 18/1/ 2021 dari <https://www.redalyc.org/pdf/4070/407042009004.pdf> home Mobilidade
- Shahrehabaki, M. M. (2018). Language and identity: a critique. *Journal of Narrative and Language Studies*, 6(11): 217-226. Diakses pada 5/3/2021 dari https://www.researchgate.net/publication/331197439_Language_and_Identity_A_Critique?enrichId=rgreq-0959766431150d9ec9d14b09c58e25b3-publicationCoverPdf
- Sivamurugan Pandian. 2017. Harkat bahasa Malaysia. Diakses pada 21/9/2017 dari <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/harkat-bahasa-malaysia-1.545093>
- Siti Mahani Muhazir & Nazlinda binti Ismail. (2015). Generasi Z: tenaga kerja baru dan cabarannya. Diakses pada 11/6/2019 dari https://docs.jpa.gov.my/docs/pelbagai/Artikel/2015/Generasi_Z.pdf
- Teo Keok Seong. (2012). Bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan jati diri. Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Melayu Setelah 55 Tahun Merdeka.
- Venturin, B. (2019). "I Don't Fit in Here and I Don't Fit in There." Understanding the Connections between L1 Attrition and Feelings of Identity in 1.5 Generation RussianAustralians. *Heritage Language Journal*, 16(2), 238-268.
- Yamasaki, E. (2020). Yucatec Maya Language on the Move: Considerations on Vitality of Indigenous Languages in an Age of Globalization. In Siragusa L. & Ferguson J. (Eds.), *Responsibility and Language Practices in Place* (pp. 99-114). Helsinki: Finnish Literature Society.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri: *Jurnal Hadhari Special Edition* 155-172. Diakses pada 25/6/2022 dari http://journalarticle.ukm.my/6104/1/JD005862_155-172.pdf
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon. (2014). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134: 408-415.
- Zamri Mahamamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd. Mahzan Awang & Peng, Chew Fong. (2017). Tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri bahasa Melayu dalam kalangan pelajar aliran pendidikan Universiti Awam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*, 7(1):1-1
- Zulkifley Hamid, Rahim Aman & Karim Harun. (2010). Sikap Terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes Di Pantai Timur Semenanjung. *Jurnal Melayu*, (5)2010: 163-176.
- Zwisler, Joshua James. (2018). Language Policy and the Construction of National Identity in Colombia. En revista Encuentros, 16 (01), 133-146